Ringgit

JULAI 2012
RAKAN KEWANGAN ANDA

ISSN 2180-3684 • Bil 6/12 • KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)



Panduan Pengguna Untuk Membuat Pinjaman

di dalam RINGGIT bulan ini

- Sudahkah Anda Menulis Wasiat?
- Takaful Keluarga
- Bagaimana Saya Boleh Membiayai Pembelian Kereta Saya?
- Lima Cara Mengurus Wang

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتڤكن اساس جاي (مليسيا) سنديرين برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Panduan Pengguna Untuk Membuat Pinjaman

Pada suatu peringkat kehidupan, seseorang terpaksa meminjam daripada institusi kewangan. Bagaimanakah anda menyediakan diri anda dalam hal ini? Berikut adalah panduan yang boleh membantu anda dalam memilih produk pembiayaan yang sesuai.

Apa yang perlu anda sematkan dalam fikiran?

- Semua pinjaman mesti dibayar balik.
- Pinjaman wang melibatkan kos. Oleh itu, jangan meminjam melebihi jumlah yang anda perlu atau mampu.
- Anda perlu mengambil kira jumlah pembayaran bulanan yang anda mampu bayar berdasarkan jumlah pendapatan boleh guna, perbelanjaan dan tanggungan hutang yang lain. Jika tidak, anda mungkin menghadapi masalah dalam pembayaran balik pinjaman anda kelak.
- Anda perlu peka bahawa peningkatan dalam kadar pembiayaan atau apa-apa perubahan yang mungkin mempengaruhi pendapatan atau perbelanjaan masa hadapan.

Buat perbandingan untuk mendapatkan pakej pinjaman terbaik

- Ambil masa untuk membandingkan kadar pembiayaan, tempoh *'lock-in'* dan penalti, ciri-ciri produk yang ditawarkan, fi dan caj.
- Perubahan yang sedikit dalam kadar pembiayaan boleh mengakibatkan perubahan besar dalam jumlah pembayaran balik.
- Untuk membantu anda membuat perbandingan produk kewangan, institusi kewangan dikehendaki memberi anda satu Lembaran

Penzahiran Produk (*Product Disclosure Sheet*) yang mengandungi maklumat-maklumat utama mengenai sesuatu produk pembiayaan.

- Anda juga boleh merujuk kepada jadual perbandingan produk pembiayaan di laman sesawang infoperbankan, *www.bankinginfo.com.my* bagi membantu anda memilih produk yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan dan kehendak anda.
- Anda perlu membaca dan memahami terma-terma utama, caj-caj berkaitan dan tanggungjawab anda sebagai peminjam.
- Sekiranya anda tidak memahami mana-mana terma, dapatkan penjelasan daripada institusi kewangan tersebut.
- Pastikan anda memahami produk pembiayaan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan untuk menerima produk tersebut.

Apakah maklumat yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan pinjaman?

- Slip gaji untuk 3 bulan yang terkini dan bukti-bukti pendapatan lain.
- Penyata EPF terkini atau penyata cukai pendapatan.
- Jika anda bekerja sendiri, penyata bank untuk 6 bulan terakhir dan penyata kewangan.
- Hutang lain anda (contohnya pinjaman daripada koperasi, pelan pembayaran ansuran dengan pedagang dan lain-lain).

Apakah tanggungjawab anda sebagai peminjam?

- Memberi maklumat yang benar, tepat dan mencukupi di dalam borang permohonan. Maklumat yang tidak tepat mungkin menjejaskan profil risiko anda, yang menyebabkan institusi kewangan akan mengenakan kadar pembiayaan yang lebih tinggi. Institusi kewangan mungkin juga menolak permohonan pinjaman anda.
- Anda mesti membaca dokumen pembiayaan sebelum menandatanganinya.
- Membuat pembayaran sebelum atau pada tarikh pembayaran untuk mengelakkan daripada dikenakan penalti bayaran lewat.
- Sekiranya anda mempunyai duit yang lebih, buat pembayaran balik pinjaman dahulu. Ini akan menjimatkan bayaran faedah. Semak dengan institusi kewangan anda untuk mengetahui sama ada fi akan dikenakan jika anda membuat penyelesaian awal.
- Jelaskan ansuran tertunggak terlebih dahulu.

Apakah hak anda sebagai peminjam?

- Institusi kewangan mesti memberi anda notis 21 hari sebelum menukar terma-terma dan syarat-syarat perjanjian pinjaman (termasuk fi dan caj).
- Institusi kewangan mesti memberi penyata akaun sekurang-kurangnya sekali setahun. Penyata tersebut mesti menunjukkan jumlah pembayaran yang telah dibuat dan jumlah yang dicajkan ke dalam akaun pinjaman anda.

Apa yang akan berlaku jika kadar pembiayaan meningkat?

- Jika pembiayaan anda berdasarkan kadar terapung, kadar pembiayaan mungkin berubah mengikut pertukaran dalam kadar rujukan atau profil risiko anda.
- Apabila kadar pembiayaan meningkat, jumlah pembayaran balik dan kos pembiayaan adalah lebih tinggi pada akhir tempoh pinjaman.
- Andaian anda meminjam RM250,000 untuk tempoh 20 tahun dengan kadar pembiayaan 6%, pembayaran ansuran bulanan anda adalah RM1,791. Jika kadar pembiayaan meningkat 1%, anda akan membuat bayaran tambahan sebanyak RM147 sebulan. Sekiranya kadar pembiayaan meningkat 2%, anda akan membuat bayaran tambahan sebanyak RM300 sebulan.

	Kini (Kadar=6%)	Jika kadar naik 1%	Jika kadar naik 2%
Bayaran bulanan	RM1,791	RM1,938	RM2,091
Jumlah kos faedah pada akhir 20 tahun	RM179,859	RM215,179	RM251,864
Jumlah pembayaran balik pada akhir 20 tahun	RM429,859	RM465,179	RM501,864

Apa yang akan berlaku jika anda gagal membuat ansuran pinjaman?

Jika anda menghadapi masalah dalam membuat pembayaran ansuran pinjaman, hubungi institusi kewangan anda dengan **segera** untuk **membincangkan skim pembayaran balik** yang sesuai. Jika tidak, institusi kewangan anda mungkin:

- Mengenakan penalti bayaran **lewat 1% setahun** ke atas jumlah tunggakan. Ini akan meningkatkan baki pinjaman belum jelas anda.
- Meningkatkan kadar pembiayaan. Faedah yang dikenakan ke atas pinjaman akan meningkat dan akhirnya anda akan membayar lebih tinggi.
- Tolak selesai *(set-off)* baki pinjaman belum jelas anda dengan duit dalam akaun simpanan anda.
- Mengambil tindakan undang-undang terhadap anda. Institusi kewangan anda mungkin menarik balik kereta (untuk pinjaman sewa beli) atau merampas dan melelong rumah anda (untuk pinjaman perumahan). Anda dikehendaki membayar semua kos berkaitan penarikan balik kereta atau lelongan rumah. Seandainya hasil lelongan tidak mencukupi, anda masih perlu membayar baki hutang kepada institusi kewangan.



"Jika anda menghadapi masalah dalam membuat pembayaran ansuran pinjaman, hubungi institusi kewangan anda dengan segera untuk membincangkan skim pembayaran balik yang sesuai."

Anda mungkin ingin mendapat perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman kepada individu. Semua perkhidmatan AKPK adalah percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Aras 8, Maju Junction Mall
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel : **1-800-88-2575**
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Di mana anda boleh rujuk untuk membuat aduan?

- Jika anda mempunyai pertanyaan atau masalah berhubung kontrak pembiayaan anda, hubungi **unit aduan atau perkhidmatan pelanggan institusi kewangan** anda terlebih dahulu.
- Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan keputusan dan penjelasan yang diberikan oleh institusi kewangan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

  Blok D, Bank Negara Malaysia
  Jalan Dato' Onn
  50480 Kuala Lumpur
  Tel : 1-300-88-5465
  E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

- Anda juga boleh menghubungi Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia di:

  Tingkat 34, UBN Tower
  10, Jalan P. Ramlee
  50250 Kuala Lumpur
  Tel : 1-300-88-9980
  Faks : 03-2078 8004

Sumber: infoperbankan



Sudahkah Anda Menulis Wasiat?

Ramai dalam kalangan anda tentu menganggap menulis wasiat adalah perkara yang tidak begitu penting dalam menguruskan perancangan masa hadapan. Maka, tidak hairanlah dilaporkan ramai orang Melayu tidak membuat persiapan menulis wasiat kerana beranggapan urusan harta diletakkan di bawah hukum *faraid* (pembahagian harta menurut Islam) sahaja. Penulisan wasiat seharusnya perlu dilakukan sekarang, iaitu semasa hayat anda masih ada dan semasa tubuh anda masih sihat.

Ada pula yang mendakwa bahawa mereka tidak mempunyai harta yang hendak diwasiatkan. Sebagai seorang yang bertanggungjawab dan selagi anda mempunyai hutang, anda mestilah menyediakan satu penulisan berbentuk pesanan untuk waris anda menjelaskan hutang yang bakal ditinggalkan.

Apakah Wasiat?

Wasiat merupakan dokumen penyelesaian pusaka berbentuk arahan kepada Wasi (penama) untuk menyempurnakan segala hasrat pewasiat, termasuklah melaksanakan segala strategi perancangan dan pengagihan harta selepas kematian.

Syarat-syarat

Wasiat Islam

- Pembahagian harta boleh dibuat dengan wasiat kepada bukan waris dan ahli waris yang terlindung daripada menerima harta pusaka melalui *faraid*.
- Hanya satu pertiga (1/3) daripada baki harta selepas ditolak segala hutang yang masih belum diselesaikan boleh diwasiatkan. Dua pertiga (2/3) daripada harta pewasiat adalah merupakan hak ahli waris menurut Hukum *Faraid*.
- Pewasiat boleh mewasiatkan hartanya melebihi satu pertiga (1/3) sekiranya semua ahli waris bersetuju dengan pembahagian tersebut selepas kematian pewasiat.
- Pewasiat juga boleh mewasiatkan hartanya kepada ahli waris yang layak menerima *faraid* sekiranya dipersetujui oleh ahli-ahli waris yang lain selepas kematian pewasiat.

Wasiat Bukan Islam

- Pembahagian harta pusaka boleh dibuat melalui wasiat mengikut hasrat dan keinginan pewasiat kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki. Ini adalah tertakluk kepada Akta Wasiat 1959.
- Tanpa dokumen Wasiat, harta pusaka akan dibahagikan mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Pembahagian 1958.

Berikut adalah perkara-perkara penting yang perlu anda ketahui untuk menulis wasiat:-

Kelayakan Pewasiat (*Musi*)

- Berumur lebih 18 tahun;
- Sempurna akal;

"Perwarisan harta yang dirancang melalui wasiat dapat diagihkan untuk tujuan kebajikan dan kepada keluarga yang tersayang selepas kematian."

- Sukarela dan tidak dipaksa;
- Tidak dihalang mengurus hartanya; dan
- Jika pewasiat sedang sakit, dia hendaklah waras fikiran, baik ingatan dan memahami wasiat yang dibuat.

Syarat Penerima Wasiat (*Musolahu*)

Penerima wasiat hendaklah orang atau kumpulan orang yang:-

- Wujud dan dikenali;
- Mempunyai kelayakan memiliki harta yang diwasiatkan menurut mana-mana undang-undang bertulis;
- Boleh menerima harta yang diwasiatkan menurut Hukum Syarak; dan
- Jika ditentukan, dia hendaklah wujud semasa wasiat dibuat, dan jika tidak ditentukan, penerima wasiat tidak perlu wujud sama ada ketika wasiat itu dibuat atau ketika *musi* meninggal dunia.

Harta Yang Boleh Diwasiatkan

- Harta alih seperti kenderaan, wang tunai, wang simpanan, barang kemas, saham, insurans, dan lain-lain.
- Harta tak alih seperti rumah, tanah, bangunan dan lain-lain.

Galakan Berwasiat

- Orang yang berharta
- Orang yang lanjut usia
- Orang yang tidak berkahwin
- Orang yang mempunyai anak angkat
- Orang yang berhutang
- Orang yang tiada waris
- Muallaf

Mengapa Wasiat itu penting

Berwasiat merupakan suatu tindakan mulia untuk menzahirkan keinginan pewasiat terhadap pembahagian harta yang dikumpul semasa hidup. Perwarisan harta yang dirancang melalui wasiat dapat diagihkan untuk tujuan kebajikan dan kepada keluarga yang tersayang selepas kematian.

Faedah Penulisan Wasiat

- Pelantikan *wasi* melalui dokumen wasiat akan memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka selepas kematian.
- Dapat menzahirkan hasrat pengagihan harta untuk tujuan kebajikan dan keluarga tersayang.
- Menjamin masa depan insan yang anda sayangi dengan pembahagian yang dihasratkan.
- Pelantikan penjaga yang dipercayai melalui wasiat akan menjamin kebajikan anak-anak di bawah umur selepas kematian anda.
- Mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh waris-waris yang ditinggalkan.

Ciri-ciri Wasiat Islam

Terdapat beberapa ciri dan prinsip wasiat Islam yang perlu dipatuhi:

1. Harta yang hendak diwasiatkan mestilah tidak lebih daripada sepertiga (1/3) daripada harta pusaka bersih, kecuali mendapat persetujuan daripada ahli-ahli waris.
2. Penerimanya hendaklah bukan waris, iaitu mereka yang tiada hak *faraid* atas pusaka si mati, kecuali mendapat persetujuan daripada ahli-ahli waris yang lain.
3. Jika penerima wasiat meninggal dunia semasa hayat pewasiat, maka wasiat tersebut adalah terbatal.
4. Jika penerima wasiat meninggal dunia selepas menerima wasiat dan selepas kematian pewasiat, maka haknya boleh diwarisi oleh waris penerima.
5. Selepas kematian pewasiat, perlu ditolak dahulu kos perbelanjaan pengkebumian dan pembayaran hutang si mati.
6. Wasiat boleh ditarik balik pada bila-bila masa kerana ia hanya berkuat kuasa selepas kematian pewasiat dan wasiat tersebut perlulah dibuat secara sukarela.

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Selangor

Takaful Keluarga

Anda akan menikmati pulangan pelaburan daripada caruman simpanan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.



Takaful keluarga memberikan anda perlindungan serta memperoleh simpanan jangka panjang. Anda atau waris akan mendapat manfaat dalam bentuk kewangan jika anda ditimpa kemalangan. Pada masa yang sama, anda akan menikmati simpanan persendirian jangka panjang kerana sebahagian daripada caruman anda akan didepositkan ke dalam sebuah akaun untuk tujuan simpanan. Anda akan menikmati pulangan pelaburan daripada caruman simpanan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

Konsep Takaful dalam Takaful Keluarga

Apabila anda menyertai takaful keluarga, anda akan mencarum sejumlah wang ke dalam dana takaful. Anda akan memeterai perjanjian (*aqad*) bagi sebahagian daripada caruman anda sebagai caruman penyertaan (*tabarru'*) dan sebahagian lagi sebagai simpanan pelaburan.

Caruman anda dalam bentuk *tabarru'* akan dimasukkan ke dalam sebuah dana (Akaun Khas Peserta atau AKP) yang akan digunakan untuk memenuhi tanggungjawab anda dalam saling membantu sekiranya salah seorang peserta ditimpa musibah, seperti kematian atau hilang upaya kekal. Jika anda masih hidup sehingga tarikh matang pelan tersebut, anda layak untuk berkongsi lebihan bersih daripada dana itu, jika ada.

Pengendali takaful akan melaburkan caruman simpanan dan pelaburan anda (Akaun Peserta atau AP) dan keuntungan akan dikongsi antara anda dan pengendali takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

Jenis perlindungan

Takaful keluarga boleh dibahagikan seperti berikut:-

- **Takaful keluarga individu (perseorangan)** – termasuk pelan pelajaran, gadai janji, kesihatan dan *"rider"*. Anda akan menerima manfaat kewangan jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal, serta simpanan jangka panjang (pelaburan) dan keuntungan pelaburan yang akan diberikan sekiranya dituntut, matang atau serahan awal.
- **Takaful keluarga berkumpulan (majikan, kelab, persatuan dan kesatuan)** – termasuk pelan pelajaran berkumpulan, perubatan berkumpulan, kesihatan dan *"rider"*. Jumlah minimum peserta dikehendaki untuk layak memasuki pelan ini. Anda akan mendapat perlindungan dalam bentuk manfaat kewangan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.
- **Anuiti** – pelan yang memberi pendapatan tetap selepas anda bersara.

- **Berkaitan pelaburan** – sebahagian daripada caruman anda akan digunakan untuk membeli unit-unit pelaburan seperti unit saham atau sekuriti pendapatan tetap. Perlindungan takaful merangkumi kematian dan hilang upaya kekal.

Takaful keluarga *"rider"* merupakan tambahan kepada pelan takaful keluarga asas. *"Rider"* memberi perlindungan sekiranya berlaku kemalangan diri dan hilang upaya, perubatan dan kesihatan.

Terma dan syarat utama

Sebahagian daripada terma-terma penting ialah:-

- **Caruman** – ialah ansuran caruman takaful anda yang dibayar kepada pengendali takaful. Anda boleh memilih untuk membayar caruman secara bulanan, suku-tahunan, separuh-tahunan ataupun tahunan.
- **Tempoh tangguh** – anda akan dibenarkan tempoh tangguh selama 30 hari untuk menjelaskan bayaran ansuran caruman takaful. Jika anda meninggal dunia semasa tempoh tangguh, ansuran caruman takaful yang belum dijelaskan akan ditolak daripada jumlah manfaat takaful anda.
- **Tempoh matang** – Anda boleh memilih sebarang tempoh matang yang sesuai untuk keperluan anda. Tempoh ini biasanya ialah dari 10 tahun hingga 40 tahun.

Ciri-ciri penting takaful keluarga

Sebahagian daripada ciri-ciri penting takaful keluarga ialah:-

- Terbuka kepada semua individu berumur antara 18 hingga 55 tahun.
- Anda mempunyai pilihan tempoh matang.
- Tidak ada pelucutan hak *(non-forfeiture)* jika berlaku pembatalan.
- Kemudahan untuk mengeluarkan sebahagian daripada caruman.
- Perkongsian lebihan dengan pengendali takaful.
- Menyediakan simpanan dan pelaburan jangka panjang.

Pengecualian

Takaful keluarga pada lazimnya tidak melindungi perkara-perkara berikut:-

- Percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja sama ada semasa anda siuman atau tidak.
- Jika anda melanggar undang-undang.
- Jika anda memprovokasi serangan.
- Jika anda berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol.
- Jika anda menghidap AIDS atau HIV.
- Sebab-sebab lain yang dilarang oleh undang-undang Syariah.

Beritahu penama *(wasi)* anda

- Beritahu penama anda tentang takaful keluarga yang anda sertai, sebarang perubahan yang telah dibuat dan tempat di mana anda menyimpan dokumen-dokumen tersebut.
- Simpan dokumen-dokumen tersebut di tempat yang selamat. Letakkan maklumat-maklumat asas seperti nama pengendali takaful, jenis pelan, nombor sijil dan nama-nama penama di tempat yang berasingan.
- Pastikan anda memaklumkan alamat penama anda dan pertukaran, jika ada, kepada pengendali takaful anda.

Bagaimana anda boleh membuat tuntutan?

Pengendali takaful akan membuat pembayaran kepada anda atau penama anda, bergantung kepada terma dan syarat di dalam sijil anda. Perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa membuat tuntutan:-

- Maklumkan kejadian kepada pengendali takaful anda dengan segera.
- Untuk tuntutan matang, sediakan salinan sijil takaful keluarga.
- Untuk tuntutan kematian, penama anda hendaklah menyediakan dokumen-dokumen berikut:-
  - Salinan sijil kematian yang disahkan;
  - Salinan kad pengenalan si mati;
  - Sijil takaful asal;
  - Bukti hubungan antara orang yang membuat tuntutan dan si mati; dan
  - Dokumen-dokumen lain yang diminta oleh pengendali takaful.

Sumber: infoinsurans



Bagaimana Saya Boleh Membiayai Pembelian Kereta Saya?

Lazimnya, orang akan membeli kereta dengan menggunakan pinjaman sewa beli. Sewa beli adalah penyewaan barangan dengan pilihan untuk membelinya pada akhir tempoh pinjaman.

Dengan mengambil pinjaman sewa beli, anda dikenali sebagai penyewa dan institusi kewangan yang memberi pinjaman sebagai tuan punya kenderaan. Sebagai penyewa, anda perlu membuat bayaran ansuran berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetuju di bawah perjanjian sewa beli. Setelah semua bayaran ansuran dijelaskan, hak milik kereta tersebut akan dipindahkan kepada anda.

Berapakah kemampuan anda?

Kadar faedah untuk pinjaman kereta biasa berasaskan **kadar sama rata.** Mengikut Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010), kadar faedah maksimum yang dibenarkan ialah 10% setahun. Kiraan faedah adalah berdasarkan faedah atas jumlah pokok untuk sepanjang tempoh pinjaman sewa beli.

Pengiraan boleh dilihat dalam contoh berikut:-

Harga kereta	RM50,000
Bayaran pendahuluan @ 10%	RM5,000
Jumlah pinjaman sewa beli	RM45,000
Kadar faedah *(kadar sama rata)*	5% setahun
Tempoh pinjaman	5 tahun *(60 bln)*

Pengiraan:

Jumlah faedah yang dikenakan
= Jumlah pinjaman x kadar x tahun
= RM45,000 x 5% x 5
= RM11,250

Jumlah pinjaman + Faedah
= RM45,000 + RM11,250
= RM56,250

Jumlah ansuran bulanan
= RM56,250 / 60 bulan
= RM938

Ansuran bulanan yang perlu dibayar ialah RM938 sebulan. Untuk mengetahui sama ada anda mampu membayar ansuran tersebut, gunakan formula berikut untuk memperoleh pendapatan bulanan minimum yang anda perlukan. Pengiraan jumlah pendapatan minimum ini atas andaian bahawa anda tidak ada ansuran lain.

Jika anda mempunyai pinjaman lain, pastikan jumlah ansuran semua pinjaman tidak melebihi 40% daripada pendapatan bersih bulanan anda.

Contoh:
Pendapatan bersih bulanan
= Bayaran ansuran bulanan kereta / 40%
= RM938 / 40%
= RM2,345

Dengan pendapatan RM2,345 tanpa komitmen pinjaman yang lain, anda mampu membayar ansuran tersebut. Walau bagaimanapun, anda masih perlu

KOS TETAP	RM	CATATAN
1. BayaranAnsuran (dibundarkan)	938	RM45K @ 5% selama 5 tahun
2. Insurans	125	RM1,500 setahun / 12 bulan
3. Cukai Jalan	8	RM90 setahun / 12 bulan
Jumlah kecil	**1,071**	
KOS BOLEH UBAH		
1. Petrol	225	Andaian RM0.15/km x 50km/hari x 30hari
2. Servis dan Penyelenggaraan	100	Berdasarkan anggaran
3. Parkir kereta/ tol	100	Berdasarkan anggaran
Jumlah kecil	**425**	
JUMLAH	**1,496**	

Ilustrasi di atas tidak mengambil kira susut nilai kereta dan kos pembaikan.

mengambil kira perbelanjaan berkaitan yang ditunjukkan di atas.

Kiraan di atas menunjukkan bahawa kos memiliki kereta tersebut adalah jauh melebihi bayaran ansuran bulanan yang berjumlah RM938.

Penyelesaian awal

Anda berhak mendapat rebat ke atas faedah jika anda memilih untuk menyelesaikan lebih awal baki hutang di bawah perjanjian pinjaman sewa beli. Ini berdasarkan kiraan mengikut formula "Peraturan 78" yang sebahagian besar daripada faedah dikenakan pada peringkat awal pinjaman.

Jika anda memutuskan untuk menjual kereta semasa tempoh pinjaman, anda perlu:-

- Periksa jumlah penebusan dengan pihak pembiaya
- Periksa nilai pasaran kereta
- Bersedia untuk menjelaskan sepenuhnya baki pinjaman, jika ada, sebelum memindahkan hak milik atau menjual kenderaan kepada orang lain. Anda bertanggungjawab ke atas baki pinjaman selagi pinjaman sewa beli masih dibawah nama anda.

Apa perkara lain yang perlu diawasi?

Caj bayaran lewat

Mengikut Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010), caj bayaran lewat maksimum terhadap ansuran tertunggak yang dikira setiap hari ialah 8% setahun. Oleh itu, disarankan anda membayar ansuran sewa beli sebelum tarikh akhir pembayaran bagi mengelakkan caj bayaran lewat dan penarikan balik kereta anda.

Klausa penarikan balik

Institusi kewangan boleh menarik balik kereta dalam keadaan seperti berikut:-

- Apabila penyewa gagal membayar **dua ansuran** berturut-turut. Jika jumlah ansuran telah dibayar melebihi 75% daripada harga tunai kenderaan, pengambilan semula milikan boleh dibuat setelah mendapat Perintah Mahkamah; atau
- Sekiranya penyewa meninggal dunia dan ansuran tidak berbayar selama empat bulan berturut-turut.

Penyewa dikehendaki **membayar kos penarikan balik** dan **kos penyimpanan** di samping **pembayaran ansuran tertunggak** dan **caj bayaran lewat** untuk menuntut semula kereta tersebut.

Sumber: Buku POWER! Pengurusan Wang Ringgit anda oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Lima Cara Mengurus Wang



Artikel ini akan membincangkan cara-cara yang boleh anda gunakan untuk mengurus wang dengan bijak. Dengan menggunakan panduan yang diberikan, anda akan dapat mengenal pasti teknik yang boleh diguna dalam mengurus wang dan memikirkan cara-cara lain yang bersesuaian dengan diri sendiri.

1. Urus Perbelanjaan Anda Dengan Bijak

Kaji semula perbelanjaan anda dan kenal pasti perbelanjaan tetap dan boleh ubah. Bagi perbelanjaan boleh ubah seperti makan di tempat kesukaan atau membeli belah, kurangkan atau hadkan kekerapannya dan apa yang diperlukan adalah sedikit disiplin dan perubahan kepada aktiviti sosial anda.

Bagaimana pula dengan perbelanjaan tetap? Ia adalah perbelanjaan yang tidak boleh dielak atau dikurangkan terus untuk disesuaikan dengan keadaan kewangan anda. Perkara yang selalunya dalam kategori ini melibatkan perbelanjaan besar seperti:

- Pembiayaan rumah, kenderaan atau pinjaman pendidikan;
- Pembayaran insurans; dan
- Bil-bil lain yang tetap bayarannya, seperti bil pembetungan, cukai pintu dan cukai tanah

Walaupun anda tidak boleh menghapuskan perbelanjaan sebegini, ada cara-cara yang boleh digunakan untuk mengurangkan perbelanjaan ini.

2. Kawal Perbelanjaan Anda

Anda sepatutnya tidak berbelanja dengan sewenang-wenangnya. Segala usaha anda dalam berjimat cermat akan menjadi tidak berguna jika wang tunai berkurangan dan komitmen lain bertambah. Ingat! Hanya berbelanja untuk keperluan dan tangguhkan apa yang boleh.

3. Hadkan Penggunaan Kad Kredit

Jika anda gemar berbelanja menggunakan kad kredit tanpa sebarang rasa bersalah, sudah tiba masanya sifat tersebut dikikis. Kad kredit memang memberi kemudahan, namun ia boleh menyusahkan jika anda tidak berdisiplin apabila menggunakannya. Dengan kad kredit, anda sebenarnya berbelanja menggunakan duit yang anda tidak ada pada masa ini. Lagi banyak anda berbelanja dan berhutang dengan bank, lagi tinggi bayaran dikenakan selepas dicampur dengan bayaran kadar faedah dan caj-caj lain.

Hadkan penggunaan kad kredit kepada satu atau dua kad sahaja. Elakkan hutang kad kredit anda daripada terus bertambah dan jika boleh, jelaskan semua hutang kad kredit setiap bulan.

4. Bina Simpanan Anda

Apabila telah mampu menguruskan wang, besar kemungkinan anda mempunyai lebihan wang tunai. Gunakan lebihan ini untuk membina simpanan. Pastikan simpanan ini mampu bertahan selama sekurang-kurangnya tiga bulan untuk menanggung perbelanjaan kehidupan seharian. Jika anda mempunyai lebihan daripada simpanan, anda boleh ke langkah seterusnya.

5. Cari Peluang-Peluang Pelaburan Yang Ada

"Di mana ada masalah, di situ ada peluang" – Robert Kiyosaki.

Kebanyakan orang gagal untuk melihat peluang yang ada daripada sesuatu krisis. Sebenarnya, ketika waktu yang tidak menentu, terdapat peluang-peluang yang baik dalam pelaburan, tidak kira dalam pasaran saham, hartanah atau produk pelaburan yang lain. Oleh itu, jika mempunyai lebihan wang, pelajari kaedah dan cari peluang-peluang pelaburan yang ada dengan mengambil kira tahap toleransi risiko anda.

Sebenarnya, terdapat pelbagai lagi teknik dan cara yang boleh anda gunakan untuk mengurus wang dengan bijak. Setiap satunya terpulang kepada cara hidup dan apa yang anda anggap penting dalam hidup. Berhubung dengan kami melalui Facebook dengan menaip "Bijak Mengurus Wang SIDC" dan ketahui lebih banyak maklumat mengenai topik pengurusan kewangan dan pelaburan bijak.

© Securities Industry Development Corporation. Untuk maklumat lanjut tentang pengurusan kewangan dan pelaburan bijak, layari laman web Pelabur Malaysia (www.min.com.my). Jika anda ingin berkongsi, menerbit atau mengedarkan artikel ini sila e-mel ke: min@min.com.my.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

ANDA MUNGKIN KEHILANGAN WANG ANDA!

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai bahawa terdapat skim pengambilan deposit dan pelaburan haram yang kononnya menjanjikan pulangan yang lumayan buat pelabur.



Skim tersebut mengajak anda melabur dalam logam berharga seperti emas, perak atau pelaburan berkaitan dengan ternakan, tanah, komoditi dan pertukaran asing

Sesetengah daripada penganjur skim terus mengumpan pelabur dengan janji belian balik

Anda ditawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek

Skim-skim tersebut dikatakan sebagai sah dan tidak mempunyai sebarang risiko

BERWASPADALAH!

Skim-skim tersebut mungkin merupakan satu lagi 'skim cepat kaya' atau dipanggil 'skim Ponzi'.

Wang yang anda laburkan mungkin digunakan untuk membayar 'pulangan lumayan' kepada pelabur lain.

Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan. Anda mungkin kehilangan wang anda.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami.

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Khidmat Pelanggan)
1-300-88-5465
Faksimile: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching **(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)**

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman web : www.akpk.org.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman web : www.abm.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman web : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my